

num/0053/BM/02.09.2001

Jaminan bebas UUM daripada unsur negatif

BM 2/9/2001 UN/12

Oleh HASSAN OMAR

SINTOK: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Ahmad Fawzy Mohd Basri berikrar akan memastikan UUM bebas daripada unsur-unsur negatif yang mencuba mengalihkan tumpuan pelajar daripada menimba ilmu.

Beliau berkata, ada kakitangan akademik dan pelajar yang mencuba menjadikan kampus berkenaan sebagai 'gelanggang dakyah' bagi mencapai objektif organisasi mereka.

Sehubungan itu, katanya, UUM akan bertindak tegas

terhadap beberapa pensyarah yang menggunakan pelajar untuk mencapai matlamat perjuangan mereka, hingga mendorong pelajar melanggar batas undang-undang.

"UUM mempunyai budayanya. Kita perlu menyekat perkara yang bertentangan dengan nilai intelektual.

"Saya dan pengurusan universiti akan terus memantau kegiatan pelajar dan kakitangan UUM. Setakat ini, amat kecil bilangan kakitangan dan pelajar yang mencuba menjadikan kampus ini sebagai gelanggang dakyah, ideologi atau objektif organisasi me-

reka," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Konvokesyen UUM Ke-14, yang disempurnakan Sultan Kedah yang juga Canselor UUM, di sini semalam.

Katanya, imej dan reputasi UUM perlu dipelihara kerana universiti itu bukannya tempat untuk golongan radikal mengubah dunia dalam sekelip mata dengan mengikut selera mereka.

Pada 23 Ogos lalu, Ahmad Fawzy mendedahkan kewujudan gerakan yang cuba mempengaruhi pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berjiha had menubuhkan negara Is-

lam hingga ke tahap menggunakan senjata.

Gerakan yang turut membabitkan seorang pensyarah UUM itu cuba mempengaruhi pelajar berjihad mendedahkan penyelewengan hak rakyat, termasuk menggunakan kekerasan bersenjata.

Katanya, semangat itu cuba diterapkan kepada seorang pelajar tahun akhir UUM dan 49 pelajar IPTA lain ketika Seminar Mahasiswa Du'at 2000 di Pulau Pinang pada 30 Oktober lalu.

Dua hari selepas itu, Ahmad Fawzi berkata, UUM mengenal pasti lima pensyarah yang terbabit se-

cara langsung menghasut pelajar ketika kuliah supaya cenderung kepada pertubuhan politik tertentu, menentang Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan pentadbiran UUM.

Mengenai pencapaian pelajar Bumiputera, beliau berkata, 20 peratus pelajar berkenaan mencapai tahap peratus markah keseluruhan (PMK) melebihi 3.0 manakala 50 peratus lagi berada pada tahap antara 2.5 hingga 2.99.

Selain itu, katanya, 27 peratus lagi pelajar Bumiputera mencapai PMK 2.0 hingga 2.54 manakala tiga peratus lagi tahap PMK mereka kurang 1.99.